

## **PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS PENS INDUSTRIES SDN. BHD.**

### **Perkara Utama**

#### **Apa yang diaudit?**

- Pens Industries Sdn. Bhd. (PISB) diperbadankan pada 5 Mac 1986 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar berjumlah RM2.99 juta. PISB merupakan syarikat berhad menurut syer milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs). PISB dahulunya dikenali Unisandals (Malaysia) Sdn. Bhd..
- Penilaian terhadap aktiviti utama PISB bagi tahun 2019 hingga 2021 meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti. Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.
- Pengurusan aktiviti pula melibatkan empat perkara iaitu proses operasi pengeluaran bahan batuan; keselamatan operasi kuari; logistik dan peralatan serta aktiviti jualan bahan batuan.
- Penilaian terhadap lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Ketua Pegawai Eksekutif; Setiausaha Syarikat; Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Prosedur Operasi Standard (SOP); Jawatankuasa Audit; dan Audit Dalam dibuat bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

#### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan PISB melalui pengurusan aktiviti perusahaan kuari batu dan pengeluaran batu baur (aggregate) serta asfalt (premix) yang cekap dan berkesan; tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan yang kukuh.
- PISB menjalankan operasi kuari di kawasan Hutan Simpan Bukit Bintang berkeluasan 31.5 hektar.

## Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan PISB telah dicapai melalui pencapaian keberhasilannya. KPI yang ditetapkan mengikut tiga indikator iaitu untung kasar, untung sebelum cukai dan untung selepas cukai bagi tahun 2019 hingga 2021 telah tercapai melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:
  - pengeluaran produk *aggregate* bagi tempoh tahun 2019 sehingga 2021 adalah sebanyak 0.97 juta tan metrik (94.7%) daripada 1.02 juta tan metrik yang disasarkan. Pengeluaran tertinggi dicapai pada tahun 2021 iaitu 449,498 tan metrik (107%) manakala pengeluaran terendah dicatat pada tahun 2019 iaitu 253,204 tan metrik (84.4%) berbanding sasaran;
  - jualan produk *premix* pada tahun 2020 tidak mencapai sepenuhnya sasaran yang ditetapkan iaitu 72,245 tan metrik (87.6%) sahaja. Namun, pencapaian keseluruhan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah sangat baik dengan melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 244,322 tan metrik (120.9%) berbanding 202,119 tan metrik. Bagi produk *aggregate*, hanya jualan pada tahun 2021 sahaja tidak mencapai sepenuhnya sasaran yang ditetapkan iaitu 376,509 tan metrik (96.4%). Namun, pencapaian keseluruhan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 juga sangat baik dengan melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 940,649 tan metrik (104.6%) berbanding 898,997 tan metrik;
  - pendapatan produk *premix* pada tahun 2020 tidak mencapai sepenuhnya sasaran yang ditetapkan iaitu RM11.06 juta (96.6%). Namun, pencapaian keseluruhan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah sangat baik dengan melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu RM38.49 juta (124.3%) berbanding RM30.97 juta. Bagi produk *aggregate*, hanya pendapatan pada tahun 2019 sahaja tidak mencapai sepenuhnya sasaran yang ditetapkan iaitu RM2.84 juta (95.6%). Namun, pencapaian keseluruhan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 juga sangat baik dengan melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu RM9.92 juta (111.7%) berbanding RM8.88 juta;

- keuntungan selepas cukai mengalami penurunan RM108,282 (5.7%) pada tahun 2020; dan
  - tunggakan melebihi 90 hari berjumlah RM2.66 juta (33.6%). Berdasarkan penyata kewangan PISB berakhir 31 Disember 2021, penghutang syarikat berjumlah RM7.91 juta iaitu meningkat sebanyak RM3.17 juta (66.9%) berbanding tahun 2020 berjumlah RM4.74 juta. Tempoh kutipan hutang mencapai purata 122 hingga 155 hari bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- Amalan tadbir urus korporat PISB adalah baik kerana kebanyakan struktur tadbir urus yang sedang diamalkan selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat. Kedudukan kewangan syarikat pula berada pada tahap kukuh.

#### Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan PISB di samping menyeimbangkan pencapaian kewangan, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah PISB perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan PISB mempertimbangkan syor seperti berikut:
  - meningkatkan margin untung bersih syarikat dengan memperluaskan pasaran pembekalan *aggregate* dan *premix* ke luar negeri;
  - mengkaji semula polisi pemberian kredit kepada pelanggan bagi mengawal aliran masuk tunai syarikat; dan
  - menambah baik amalan tadbir urus korporat dengan memastikan separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah merupakan Pengarah berstatus bebas; dan membentangkan Rancangan Korporat tahun 2021 dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.



## **PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS**

### **2. PENS INDUSTRIES SDN. BHD.**

#### **FAKTA UTAMA**

<b>5.3.1986</b>	<b>RM28.93 juta</b>	<b>RM5 juta</b>
diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965	keuntungan terkumpul pada tahun 2021	modal dibenarkan
<b>Objektif penubuhan</b>	Menjalankan operasi kuari, pemprosesan batuan (aggregate) dan pengilangan produk berdasarkan asfalt (premix) serta penjualan produk <i>aggregate</i> dan <i>premix</i>	
<b>Aktiviti utama</b>	Menjalankan perusahaan kuari batu dan pengeluaran batu baur (aggregate); menghasilkan asfalt (premix); dan penjualan produk <i>aggregate</i> serta <i>premix</i>	
<b>Agensi induk</b>	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	
<b>Jenis syarikat</b>	Syarikat berhad menurut syer	
<b>Modal berbayar</b>	RM2.99 juta	

### **1. LATAR BELAKANG**

1.1. Pens Industries Sdn. Bhd. (PISB) telah diperbadankan pada 5 Mac 1986 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar RM2.99 juta dan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta. PISB dahulunya dikenali Unisandals (Malaysia) Sdn. Bhd. merupakan syarikat berhad menurut syer milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs).

1.2. Objektif penubuhan PISB berdasarkan Perlembagaan Syarikat adalah sebagai syarikat yang menjalankan operasi kuari, pemprosesan batuan (aggregate) dan pengilangan produk berdasarkan asfalt (premix) serta penjualan produk *aggregate* dan *premix*. Aktiviti utama PISB adalah menjalankan perusahaan kuari batu dan pengeluaran batu baur (aggregate); menghasilkan asfalt (premix); dan penjualan produk *aggregate* serta *premix*. Keluasan muka kuari yang terletak di kawasan Hutan Simpan Bukit Bintang adalah 31.5 hektar. Operasi kuari tertumpu pada bahagian kuari sedia ada berkeluasan 15.9 hektar dan bahagian tambahan kuari yang berkeluasan 15.6 hektar.

1.3. Setakat bulan Disember 2021, keanggotaan Lembaga Pengarah PISB adalah enam orang dan kesemuanya merupakan Pengarah Bukan Bebas. Pengurusan PISB diketuai oleh Pengarah Eksekutif merangkap ahli Lembaga Pengarah PISB dan dibantu oleh Pengurus Besar. PISB mempunyai tujuh bahagian iaitu Pentadbiran; Akaun; Belian; Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; Pemasaran; Operasi; dan Kejuruteraan. Pengisian perjawatan adalah seramai 58 orang. Struktur organisasi PISB pada bulan Disember 2021 adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**STRUKTUR ORGANISASI PISB PADA BULAN DISEMBER 2021**



Sumber: Bahagian Pentadbiran, PISB

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan PISB melalui pengurusan aktiviti perusahaan kuari batu dan pengeluaran batu baur (aggregate) serta asfalt (premix) yang cekap dan berkesan; tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan yang kukuh.

## 3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan aktiviti utama PISB iaitu menjalankan perusahaan kuari batu dan pengeluaran *aggregate* serta *premix* bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Dua bidang utama Audit yang dinilai ialah prestasi dan pengurusan aktiviti. Bagi prestasi aktiviti, dua perkara yang dinilai ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Perkara yang dinilai dalam pencapaian output ialah pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI); pencapaian pengeluaran produk *aggregate*; pencapaian jualan produk bahan batuan dan pencapaian pendapatan produk bahan batuan. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan sumbangan kepada pendapatan syarikat pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan sumbangan kepada pendapatan syarikat dan sumbangan kepada Kerajaan negeri melalui bayaran royalti; serta pembayaran dividen kepada pemegang saham.

3.2. Empat perkara yang dinilai dalam pengurusan aktiviti ialah proses operasi pengeluaran bahan batuan; keselamatan operasi kuari; logistik dan peralatan serta aktiviti jualan bahan batuan. Sebanyak 17 fail (13.5%) daripada 126 penghutang yang

berbaki debit dipilih untuk diaudit bagi menentukan sama ada tindakan yang diambil bagi mengutip balik hutang syarikat telah mematuhi prosedur yang ditetapkan.

3.3. Pengauditan ini juga melibatkan lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Ketua Pegawai Eksekutif (KPE); Setiausaha Syarikat; Rancangan Korporat dan KPI; Prosedur Operasi Standard (SOP); Jawatankuasa Audit (JKA); dan Audit Dalam bagi tahun 2019 hingga 2021. Analisis kedudukan kewangan turut dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021. Pengauditan telah dijalankan di pejabat PISB yang terletak di Jalan Bukit Ayer, Batu Pahat, Kangar.

#### **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan PISB serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, pemeriksaan fizikal telah dilakukan di tapak kuari PISB yang terletak di kawasan Hutan Simpan Bukit Bintang pada 23 dan 30 Mac 2022. Penilaian kedudukan kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan PISB bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang telah diaudit dan diberi laporan tanpa teguran oleh Tetuan Jamal, Amin & Partners. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai.


#### **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Mac hingga April 2022. Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada PISB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 8 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

##### **5.1. Prestasi Aktiviti**

- a. Berdasarkan kepada model perniagaan PISB, syarikat menjalankan perniagaan membekal bahan batuan iaitu menjual *aggregate* dan *premix* kepada kontraktor binaan dan jalan. PISB dikenakan bayaran royalti oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis kerana aktiviti pemindahan bahan batuan dari muka kuari yang terletak di kawasan Hutan Simpan Bukit Bintang. Secara amnya, model perniagaan PISB adalah seperti dalam **Carta 2**.

**CARTA 2**  
**MODEL PERNIAGAAN PISB**



Sumber: PISB

- b. Produk utama PISB ialah pengeluaran bahan batuan iaitu produk *aggregate*. Penetapan sasaran pengeluaran produk *aggregate* adalah berdasarkan keupayaan dua jenis mesin iaitu satu unit *primary jaw crusher* dan satu unit *secondary plant*. Selain itu, PISB turut menghasilkan produk *premix* yang digunakan dalam pembuatan jalan raya. Produk *premix* ini dihasilkan daripada produk *aggregate* yang diproses bersama bitumen dalam Loji Asfalt. Proses kawalan kualiti bagi produk *premix* dilaksanakan oleh makmal PISB dengan mematuhi *Standard Specification for Road Works, Section 4: Flexible Pavement*, Jabatan Kerja Raya. Penetapan sasaran pengeluaran produk *premix* berdasarkan keupayaan mesin di Loji Asfalt seperti *shovel*, *cool feed bin*, *conveyor*, *drum mixer* dan *hot storage bin*. Jenis produk *aggregate* dan *premix* serta mesin pengeluaran yang digunakan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**JENIS PRODUK YANG DIHASILKAN DAN MESIN PENGETUARAN YANG DIGUNAKAN**

PRODUK	BIL.	JENIS PRODUK YANG DIHASILKAN	MESIN PENGETUARAN YANG DIGUNAKAN
<b>AGGREGATE</b>	1.	<i>Crusher Run 2 Inci Limestone (B)</i>	1. <i>Primary jaw crusher</i> digunakan untuk memecahkan bongkah batu kepada saiz 3 inci hingga 6 inci dan produk <i>crusher run C</i> bersaiz 2 inci pada kadar 300 tan metrik per jam.
	2.	<i>Crusher Run 2 Inci Limestone (C)</i>	
	3.	<i>¾ Inci (20mm) Limestone</i>	
	4.	<i>1 Inci (28mm) Limestone</i>	2. <i>Secondary plant</i> digunakan untuk menghasilkan produk bersaiz 1 inci (28mm), 3/8 inci (10mm), 3/4 inci (20mm) dan <i>crusher run B</i> bersaiz 2 inci.
	5.	<i>3/8 Inci (10mm) Limestone</i>	
	6.	<i>3 Inci Hingga 6 Inci Limestone</i>	

PRODUK	BIL.	JENIS PRODUK YANG DIHASILKAN	MESIN PENGETAHUAN YANG DIGUNAKAN
PREMIX	1.	Premix Limestone 10mm	Loji Asfalt ialah tempat untuk memasak dan mencampurkan aggregate dengan bitumen bagi menghasilkan produk premix.
	2.	Premix Limestone 14mm	
	3.	Premix Limestone 20mm	
	4.	Asphaltic Concrete (AC) Limestone 14mm	
	5.	Asphaltic Concrete (AC) Limestone 20mm	
	6.	Asphaltic Concrete (AC) Limestone 28mm	

Sumber: Laporan Pengeluaran Produk Aggregate dan Produk Premix

### 5.1.1. Pencapaian Output

#### 5.1.1.1. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- a. Berdasarkan Bajet Tahunan PISB, syarikat perlu mencapai tiga KPI yang ditetapkan iaitu untung kasar, untung sebelum cukai dan untung selepas cukai. Penetapan KPI ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PISB. Pihak Audit telah membuat analisis terhadap pencapaian KPI PISB bagi tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2019 hingga 2021.
- b. Semakan Audit mendapati peratus pencapaian KPI untuk ketiga-tiga indikator bagi tahun 2019 hingga 2021 **melebihi sasaran KPI yang ditetapkan iaitu antara 120% hingga 452.4% (indikator untung kasar), 129.1% hingga 12,271.6% (indikator untung sebelum cukai) dan 140.7% hingga 12,482.2% (indikator untung selepas cukai)**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI AKTIVITI PEMBEKALAN BAHAN BATUAN**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

INDIKATOR	2019 (RM)			2020 (RM)			2021 (RM)		
	S	P	%	S	P	%	S	P	%
Jualan	11,052,427	16,075,491	145.4	14,138,053	14,233,707	100.7	15,405,795	19,062,936	123.7
<b>Tolak:</b> Kos Barang Dijual	(10,320,392)	(12,764,006)	123.7	(11,754,320)	(10,776,935)	91.7	(12,092,926)	(15,087,326)	124.8
<b>Untung Kasar</b>	<b>732,035</b>	<b>3,311,485</b>	<b>452.4</b>	<b>2,383,733</b>	<b>3,456,772</b>	<b>145.0</b>	<b>3,312,869</b>	<b>3,975,610</b>	<b>120.0</b>
<b>Tambah:</b> Lain-lain Pendapatan	936,304	893,964	95.5	1,096,328	1,347,709	122.9	1,253,614	1,400,174	111.7
<b>Tolak:</b> Kos Operasi dan Pentadbiran	(1,648,440)	(1,763,533)	107.0	(2,067,161)	(2,259,240)	109.3	(2,208,730)	(2,332,034)	105.6
<b>Untung Sebelum Cukai</b>	<b>19,899</b>	<b>2,441,916</b>	<b>12,271.6</b>	<b>1,412,900</b>	<b>2,545,241</b>	<b>180.1</b>	<b>2,357,753</b>	<b>3,043,750</b>	<b>129.1</b>
<b>Tolak:</b> Cukai Pendapatan	(4,776)	(554,233)	11,604.5	(339,096)	(765,840)	225.8	(601,931)	(573,505)	95.3
<b>Untung Selepas Cukai</b>	<b>15,123</b>	<b>1,887,683</b>	<b>12,482.2</b>	<b>1,073,804</b>	<b>1,779,401</b>	<b>165.7</b>	<b>1,755,822</b>	<b>2,470,245</b>	<b>140.7</b>

Sumber: Bajet Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit PISB Tahun 2019, 2020 dan 2021

Nota: (S) – Sasaran

(P) – Pencapaian

- c. Pada tahun 2019, PISB menetapkan sasaran KPI bagi untung sebelum cukai hanya berjumlah RM19,899 kerana syarikat terpaksa menurunkan harga jualan *aggregate* daripada harga asal RM10 hingga RM12 per tan metrik kepada RM8.50 hingga RM10 per tan metrik. Penurunan kadar harga jualan dibuat untuk pergerakan stok kerana berlaku lambakan stok pada tahun 2018 dan tiada ruang penyimpanan untuk stok baharu. Bagaimanapun, untung sebelum cukai sebenar diperoleh pada tahun tersebut adalah berjumlah RM2.44 juta iaitu melebihi sasaran berjumlah RM2.42 juta. Keadaan ini disebabkan stok *aggregate* tahun 2018 dan stok baharu tahun 2019 yang dikeluarkan mulai bulan Februari 2019 telah terjual melebihi sasaran yang ditetapkan.

### **Maklum balas PISB yang diterima pada 7 Jun 2022**

Pada tahun 2019, syarikat meletakkan sasaran yang rendah ekoran daripada PISB dibelenggu isu penggunaan *Limestone* dalam penghasilan *premix* untuk jalan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Negeri dan syarikat belum mendapat pengiktirafan Loji Pengeluaran Asfalt berdasarkan *Standard Specification for Road Works* serta penurunan yang ketara keuntungan syarikat pada tahun 2018. Bagaimanapun, penetapan sasaran KPI tahun 2020 telah dibuat dengan lebih realistik kerana masalah lambakan stok tahun 2018 dan isu penggunaan *Limestone* untuk pembekalan jalan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Negeri telah dapat diatasi. Syarikat juga telah berjaya mendapatkan Pengiktirafan Loji Pengeluaran Asfalt bagi pembekalan *premix*.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Pencapaian KPI bagi ketiga-tiga indikator melebihi sasaran KPI yang ditetapkan bagi tahun 2019 hingga 2021. PISB telah mencapai untung sebelum cukai dan untung selepas cukai dengan pencapaian yang sangat ketara pada tahun 2019.</b>
-----------------------	--

#### **5.1.1.2. Pencapaian Pengeluaran Produk *Aggregate***

- a. Bahagian Operasi bertanggungjawab menyediakan sasaran pengeluaran produk *aggregate* yang dihasilkan dari muka kuari pada setiap tahun. Pada tahun 2019 dan 2020, sasaran pengeluaran adalah pada kadar 300,000 tan metrik setahun dan 420,000 tan metrik setahun bagi tahun 2021.

- b. Semakan Audit mendapati **pengeluaran produk aggregate bagi tempoh tahun 2019 sehingga 2021 adalah sebanyak 0.97 juta tan metrik iaitu 94.7% daripada 1.02 juta tan metrik yang disasarkan**. Pengeluaran tertinggi dicapai pada tahun 2021 iaitu 449,498 tan metrik (107%) manakala pengeluaran terendah dicatat pada tahun 2019 iaitu 253,204 tan metrik (84.4%) berbanding sasaran. Pada tahun 2020, PISB mencatatkan pengeluaran sebanyak 263,032 tan metrik (87.7%) berbanding sasaran. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PRESTASI PENGELOUARAN PRODUK AGGREGATE**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021**

TAHUN	TAN METRIK AGGREGATE		PRESTASI (%)
	SASARAN	SEBENAR	
2019	300,000	253,204	84.4
2020	300,000	263,032	87.7
2021	420,000	449,498	107.0
<b>JUMLAH</b>	<b>1,020,000</b>	<b>965,734</b>	<b>94.7</b>

Sumber: Laporan Prestasi Pengeluaran *Aggregate* Tahun 2019, 2020 dan 2021

- c. Analisis Audit mendapati pada tahun 2019 dan 2020, PISB tidak dapat mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan kerana Bahagian Operasi tidak mengambil kira kemampuan *primary jaw crusher* yang berusia melebihi 10 tahun untuk memecahkan bongkah batu bagi menghasilkan *aggregate*. Selain itu, berlakunya lambakan stok *aggregate* pada akhir tahun 2018 sebanyak 89,580 tan metrik merangkumi produk *Crusher Run* (A, B dan C), *aggregate* bersaiz  $\frac{3}{4}$  inci dan  $\frac{3}{8}$  inci + Dust. Operasi kuari juga terpaksa diberhentikan mulai 18 Mac hingga 31 Mei 2020 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan dan bagi menjalankan kerja penyenggaraan loji *primary crusher* yang merangkumi penukaran *jaw plate crusher* dan pemasangan *cone crusher* mulai 1 Jun hingga 9 Julai 2020.

### **Maklum balas PISB yang diterima pada 7 Jun 2022**

Penetapan sasaran pengeluaran produk *aggregate* pada tahun 2021 telah disediakan mengikut keupayaan *primary jaw crusher*. PISB mensasarkan pengeluaran sebanyak 420,000 tan metrik iaitu meningkat sebanyak 40% berbanding tahun 2020 sebanyak 300,000 tan metrik kerana keupayaan *primary jaw crusher* telah ditingkatkan dengan penukaran *jaw plate crusher* dan pemasangan *cone crusher* pada pertengahan tahun 2020.

**Pendapat Audit** | Prestasi pengeluaran produk *aggregate* adalah cekap kerana peratus pencapaian keseluruhan mencapai 94.7% berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Namun demikian peratus pengeluaran bagi tahun 2019 dan 2020 adalah pada tahap 84.4% dan 87.7%.

### 5.1.1.3. Pencapaian Jualan Produk Bahan Batuan

Bahagian Akaun telah menetapkan sasaran jualan produk *premix* dan *aggregate* berdasarkan kepada prestasi bajet yang disemak pada tahun sebelumnya. Berdasarkan Bajet Tahunan PISB bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, sasaran jualan *premix* ialah 202,119 tan metrik dan sasaran jualan *aggregate* ialah 0.90 juta tan metrik. Pencapaian bagi tempoh tersebut ialah 244,322 tan metrik atau 120.9% bagi jualan *premix* dan 0.94 juta tan metrik atau 104.6% bagi jualan *aggregate* berbanding sasaran yang ditetapkan. Prestasi jualan produk bahan batuan bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah baik kerana melebihi sasaran jualan yang ditetapkan. Prestasi pencapaian jualan produk bahan batuan adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PRESTASI PENCAPAIAN JUALAN PRODUK BAHAN BATUAN**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

JUALAN BAHAN BATUAN	BUTIRAN	JUALAN PRODUK (TAN METRIK)			
		2019	2020	2021	JUMLAH
<b>Premix</b>	Sasaran	45,356	82,475	74,288	202,119
	Pencapaian	81,588	72,245	90,489	244,322
	<b>Peratus</b>	<b>179.9</b>	<b>87.6</b>	<b>121.8</b>	<b>120.9</b>
<b>Aggregate</b>	Sasaran	272,107	236,174	390,716	898,997
	Pencapaian	283,117	281,023	376,509	940,649
	<b>Peratus</b>	<b>104.0</b>	<b>119.0</b>	<b>96.4</b>	<b>104.6</b>

Sumber: Bajet Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit PISB Tahun 2019, 2020 dan 2021

#### a. Pencapaian Jualan Produk *Premix*

- i. Jualan produk *premix* merupakan penyumbang terbesar kepada syarikat. Sasaran jualan bergantung kepada permintaan semasa oleh kontraktor jalan dan keupayaan mesin di Loji Asfalt iaitu sebanyak 250 tan metrik sejam.

- ii. Semakan Audit mendapati pencapaian jualan tertinggi ialah pada tahun 2019 dan 2021 iaitu masing-masing 81,588 tan metrik (179.9%) dan 90,489 tan metrik (121.8%) manakala pencapaian terendah pada tahun 2020 iaitu 72,245 tan metrik (87.6%) berbanding sasaran.
- iii. Analisis Audit mendapati **pada tahun 2020, PISB tidak dapat mencapai sasaran jualan yang ditetapkan** kerana penularan pandemik Covid-19 dan pengurangan jualan kepada kontraktor jalan di Kubang Pasu, Kedah.

#### **b. Pencapaian Jualan Produk *Aggregate***

- i. Jualan produk *aggregate* merupakan penyumbang kedua terbesar kepada syarikat. Sasaran jualan bergantung kepada permintaan semasa oleh kontraktor binaan dan jalan serta keupayaan mesin di Loji Penghancur iaitu sebanyak 300 tan metrik sejam.
- ii. Semakan Audit mendapati pencapaian sasaran jualan tertinggi ialah pada tahun 2019 dan 2020 iaitu masing-masing 283,117 tan metrik (104%) dan 281,023 tan metrik (119%) manakala pencapaian terendah pada tahun 2021 iaitu 376,509 tan metrik (96.4%) berbanding sasaran. Bagaimanapun, kuantiti jualan sebenar bagi tahun 2021 meningkat sebanyak 95,486 (34%) tan metrik kepada 376,509 tan metrik berbanding tahun 2020.
- iii. Analisis Audit mendapati **pada tahun 2021, PISB tidak dapat mencapai sasaran jualan yang ditetapkan** kerana penetapan sasaran jualan yang tinggi bagi tahun tersebut iaitu 65.4% peningkatan dari sasaran tahun 2020.

#### **Maklum balas PISB yang diterima pada 7 Jun 2022**

Bahagian Akaun telah menyediakan penetapan sasaran jualan *aggregate* dan *premix* pada tahun 2022 berdasarkan trend jualan sebenar kedua-dua produk bagi tahun 2021 dan 2020 bertujuan untuk memastikan penetapan sasaran jualan dapat dicapai atau melebihi sasaran yang ditetapkan.

**Pendapat Audit** | **Prestasi jualan produk *premix* dan *aggregate* adalah cekap kerana peratus pencapaian masing-masing sebanyak 120.9% dan 104.6% berbanding sasaran dalam tempoh tiga tahun.**

#### **5.1.1.4. Pencapaian Pendapatan Produk Bahan Batuan**

Bahagian Akaun telah menetapkan sasaran pendapatan produk *premix* dan *aggregate* berdasarkan kepada prestasi bajet yang disemak pada tahun sebelumnya. Berdasarkan Bajet Tahunan PISB bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, sasaran pendapatan produk *premix* berjumlah RM30.97 juta dan sasaran pendapatan produk *aggregate* berjumlah RM8.88 juta. Pencapaian bagi tempoh tersebut berjumlah RM38.49 juta (124.3%) bagi *premix* dan RM9.92 juta (111.7%) bagi *aggregate* berbanding sasaran yang ditetapkan. Prestasi pendapatan produk bahan batuan bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah baik kerana melebihi sasaran pendapatan yang ditetapkan. Prestasi pencapaian pendapatan produk bahan batuan adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PRESTASI PENCAPAIAN PENDAPATAN PRODUK BAHAN BATUAN**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

PENDAPATAN BAHAN BATUAN	BUTIRAN	PENDAPATAN (RM Juta)			
		2019	2020	2021	JUMLAH
<b>Premix</b>	Sasaran	7.96	11.45	11.56	30.97
	Pencapaian	12.95	11.06	14.48	38.49
	<b>Peratus</b>	<b>162.7</b>	<b>96.6</b>	<b>125.3</b>	<b>124.3</b>
<b>Aggregate</b>	Sasaran	2.97	2.29	3.62	8.88
	Pencapaian	2.84	2.76	4.32	9.92
	<b>Peratus</b>	<b>95.6</b>	<b>120.5</b>	<b>119.3</b>	<b>111.7</b>

Sumber: Bajet Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit PISB Tahun 2019, 2020 dan 2021

##### **a. Pencapaian Pendapatan Produk *Premix***

- Pendapatan utama PISB dijana melalui operasi loji asfalt untuk menghasilkan produk *premix* bagi tujuan pembekalan kepada kontraktor jalan. Sasaran pendapatan dibuat berdasarkan sasaran jualan dan harga kos seperti kos pengeluaran; kos bahan mentah iaitu bahan asas bitumen dan diesel; serta kos perbelanjaan langsung iaitu kos penggajian dan kos pengangkutan masuk bitumen ke kilang *premix* dan pengangkutan keluar produk *premix* ke tapak pembinaan.
- Semakan Audit mendapati pencapaian pendapatan tertinggi adalah pada tahun 2019 dan 2021 iaitu masing-masing RM12.95 juta (162.7%) dan RM14.48 juta (125.3%) manakala pencapaian terendah pada tahun 2020 ialah RM11.06 juta (96.6%) berbanding sasaran.

- iii. Analisis Audit mendapati **pada tahun 2020, PISB tidak dapat mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan** kerana penetapan sasaran yang tinggi iaitu peningkatan 43.8% daripada sasaran tahun 2019.

**b. Pencapaian Pendapatan Produk *Aggregate***

- i. Pendapatan kedua PISB dijana melalui operasi kuari untuk menghasilkan produk *aggregate* bagi tujuan pembekalan kepada kontraktor binaan dan jalan. Sasaran pendapatan dibuat berdasarkan sasaran jualan dan harga kos seperti kos bahan mentah iaitu bahan letupan, diesel dan minyak pelincir; perbelanjaan langsung iaitu kos penggajian; dan kos pengeluaran iaitu pembaikan alat ganti kilang, mesin dan kenderaan.
- ii. Semakan Audit mendapati pencapaian pendapatan tertinggi adalah pada tahun 2020 dan 2021 iaitu masing-masing berjumlah RM2.76 juta (120.5%) dan RM4.32 juta (119.3%) manakala pencapaian terendah pada tahun 2019 iaitu sejumlah RM2.84 juta (95.6%) berbanding sasaran.
- iii. Analisis Audit mendapati **pada tahun 2019, PISB tidak dapat mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan** kerana berlaku penurunan kadar harga jualan produk *aggregate* antara RM1.50 hingga RM2.00 per tan metrik. Kadar harga asal daripada RM10 hingga RM12 telah menurun kepada RM8.50 hingga RM10. Penurunan kadar harga dibuat kerana lambakan stok produk *aggregate* yang tidak terjual pada akhir tahun 2018.

**Maklum balas PISB yang diterima pada 7 Jun 2022**

Bahagian Akaun telah menyediakan penetapan sasaran pendapatan *aggregate* dan *premix* pada tahun 2022 berdasarkan trend pendapatan sebenar kedua-dua produk bagi tahun 2021 dan 2020 bertujuan untuk memastikan penetapan sasaran pendapatan dapat dicapai seperti sasaran yang ditetapkan. Penetapan sasaran pendapatan *aggregate* tidak dapat dicapai pada tahun 2019 disebabkan harga jualan *aggregate* terpaksa diturunkan bagi membolehkan lambakan stok *aggregate* pada tahun 2018 dapat dijual pada tahun 2019 dan dikurangkan seterusnya memberikan aliran masuk pendapatan kepada PISB. Lambakan stok yang tidak dapat dijual memberikan bebanan kewangan kepada syarikat.

**Pendapat Audit** | Prestasi pendapatan produk *premix* dan *aggregate* adalah cekap kerana peratus pencapaian masing-masing sebanyak 124.3% dan 111.7% berbanding sasaran dalam tempoh tiga tahun.

### 5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

#### 5.1.2.1. Sumbangan Kepada Pendapatan Syarikat

- Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2019 hingga 2021, pendapatan aktiviti pembekalan bahan batuan telah menyumbang RM48.41 juta (91.3%) kepada keseluruhan pendapatan PISB. Sumbangan pendapatan bahan batuan kepada pendapatan syarikat pada tahun 2019 adalah RM15.79 juta (93%), RM13.82 juta (88.7%) pada tahun 2020 dan RM18.80 juta (91.9%) pada tahun 2021. Butiran seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**SUMBANGAN PENDAPATAN BAHAN BATUAN KEPADA PENDAPATAN PISB**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

PERKARA		2019	2020	2021	JUMLAH
<b>PENDAPATAN SYARIKAT (RM Juta)</b>		<b>16.97</b>	<b>15.58</b>	<b>20.46</b>	<b>53.01</b>
Jualan <i>Premix</i>	Pendapatan (RM Juta)	12.95	11.06	14.48	38.49
	<b>Sumbangan Pendapatan (%)</b>	<b>76.3</b>	<b>71.0</b>	<b>70.8</b>	<b>72.6</b>
Jualan <i>Aggregate</i>	Pendapatan (RM Juta)	2.84	2.76	4.32	9.92
	<b>Sumbangan Pendapatan (%)</b>	<b>16.7</b>	<b>17.7</b>	<b>21.1</b>	<b>18.7</b>
<b>JUMLAH JUALAN BAHAN BATUAN</b>	<b>Pendapatan (RM Juta)</b>	<b>15.79</b>	<b>13.82</b>	<b>18.8</b>	<b>48.41</b>
	<b>Sumbangan Pendapatan (%)</b>	<b>93.0</b>	<b>88.7</b>	<b>91.9</b>	<b>91.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PISB Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

- Analisis Audit mendapati hasil jualan *premix* merupakan pendapatan utama syarikat yang menyumbang RM38.49 juta (72.6%) bagi tahun 2019 hingga 2021 kepada keseluruhan pendapatan PISB. Hasil jualan *aggregate* pula merupakan pendapatan kedua PISB yang menyumbang RM9.92 juta (18.7%) bagi tempoh yang sama.

#### 5.1.2.2. Sumbangan Kepada Kerajaan Negeri

- Perenggan (g), Permit untuk Menjalankan Kuari Bahan Batu Kapur di Kawasan Dalam Kompartment 3 Hutan Simpan Bukit Bintang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis, menghendaki pemegang permit membayar cukai bahan batu mengikut kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

Kadar royalti batu adalah sejumlah RM4.20 bagi satu meter padu manakala royalti tanah merah adalah RM1.80 bagi satu meter padu berkuat kuasa mulai 10 September 2001 hingga 2021. Bayaran royalti oleh PISB merupakan hasil Kerajaan negeri yang diperoleh daripada aktiviti pemindahan bahan batuan dari muka kuari untuk dijual kepada pelanggan atau dipindahkan dari mesin penghancur ke loji asfalt untuk memproses dan menghasilkan produk *premix*.

- b. Semakan Audit mendapati bayaran royalti oleh PISB daripada aktiviti pemindahan bahan batuan telah menyumbang sejumlah RM2.05 juta bagi tahun 2019 hingga 2021 kepada hasil Kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perlis. Pembayaran royalti batu dan tanah masing-masing menyumbang sejumlah RM2 juta (97.6%) dan RM49,198 (2.4%) bagi tempoh tahun tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**HASIL KERAJAAN NEGERI YANG DISUMBANGKAN OLEH PISB**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

PERKARA		2019	2020	2021	JUMLAH
Batu	Hasil Dibayar (RM)	545,295	628,227	827,383	2,000,905
	Sumbangan Hasil (%)	98.5	93.9	100.0	97.6
Tanah	Hasil Dibayar (RM)	8,489	40,709	0	49,198
	Sumbangan Hasil (%)	1.5	6.1	0	2.4
<b>JUMLAH HASIL YANG DIBAYAR</b>		<b>553,784</b>	<b>668,936</b>	<b>827,383</b>	<b>2,050,103</b>

Sumber: Rekod Royalti PISB, Lejar Am dan Penyata Kewangan Beraudit PISB Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

### 5.1.2.3. Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

- a. Pemegang saham utama PISB ialah PKENPs yang memegang 100% saham dengan modal berbayar RM2.99 juta. Dividen akan dibayar kepada pemegang saham setiap tahun berdasarkan keuntungan yang diperoleh oleh PISB. Cadangan pembayaran dividen kepada PKENPs hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah PISB terlebih dahulu sebelum kelulusan akhir oleh Lembaga Pengarah PKENPs.
- b. Semakan Audit mendapati PISB telah membayar dividen kepada PKENPs berjumlah RM1.58 juta berdasarkan keuntungan pada tahun 2018, 2019 dan 2020. PISB memperoleh keuntungan berjumlah RM3.95 juta bagi tempoh tahun tersebut. Peratus pembayaran dividen atas keuntungan adalah antara 10.6% hingga 53%. Manakala peratus pembayaran dividen atas modal berbayar yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah PISB adalah antara 1% hingga 33.4% seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PEMBAYARAN DIVIDEN KEPADA PEMEGANG SAHAM BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

KEUNTUNGAN			PEMBAYARAN DIVIDEN		PERATUS DIVIDEN ATAS MODAL BERBAYAR (%)
TAHUN KEWANGAN	JUMLAH (RM)	PERATUS DIVIDEN ATAS KEUNTUNGAN (%)	TAHUN	JUMLAH (RM)	
2018	284,315	10.6	2019	30,000	1.0
2019	1,887,683	53.0	2020	1,000,000	33.4
2020	1,779,401	30.9	2021	550,000	18.4
<b>JUMLAH KEUNTUNGAN</b>	<b>3,951,399</b>		<b>JUMLAH DIVIDEN</b>	<b>1,580,000</b>	

Sumber: Lejar Am, Penyata Kewangan Beraudit PISB Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021 serta Minit Mesyuarat ALP PISB

Pendapat Audit	Pencapaian keberhasilan yang dinilai berdasarkan aktiviti pembekalan bahan batuan telah tercapai selaras dengan objektif penubuhan syarikat.
----------------	--

## 5.2. Pengurusan Aktiviti

### 5.2.1. Proses Operasi Pengeluaran Bahan Batuan

- a. Proses operasi pengeluaran bahan batuan merangkumi empat peringkat iaitu pembangunan muka kuari; pengeluaran *aggregate*; menghancur dan mengelaskan *aggregate* di Loji Penghancur; dan menghasilkan *premix* di Loji Asfalt seperti dalam **Rajah 1**.

**RAJAH 1**  
**PROSES OPERASI PENGETUARAN AGGREGATE DAN PENGHASILAN PREMIX**

1. Pembangunan		<i>CLEARING</i> - Menebang pokok balak, membersih kawasan, membina jalan bagi jentera dan membina teres.
2. Pengeluaran		i. <i>DRILLING</i> - Proses menebuk lubang bagi pengisian bahan letupan.
		ii. <i>BLASTING</i> - Kerja letupan batu apabila lubang untuk pengisian bahan letupan telah mencukupi.
		iii. <i>LOADING</i> - Proses pemunggahan batu blok selepas letupan dilakukan.
		iv. <i>TRANSFER</i> - Mengangkut batu blok dari muka kuari ke loji penghancur bagi menghasilkan produk <i>aggregate</i> .

3. Loji Penghancur (crusher)		<i>PRIMARY JAW CRUSHER</i> - Menghancurkan bongkah batu seterusnya mengelaskan <i>aggregate</i> bersaiz 50mm dan melebihi 50mm. Proses ini menghasilkan produk <i>aggregate</i> bersaiz 3 inci x 6 inci dan <i>Crusher Run C</i> .
		<i>SECONDARY CRUSHER</i> - Pemecahan <i>aggregate</i> peringkat ke-2 untuk menghancurkan <i>aggregate</i> bersaiz melebihi 50mm. Skrin produk akan memproses <i>aggregate</i> bersaiz 28mm dan ke bawah bagi menghasilkan produk <i>aggregate</i> bersaiz 28mm, 3/8 inci + dust, 3/4 inci dan <i>Crusher Run B</i> . Manakala <i>aggregate</i> bersaiz melebihi 28mm akan dihantar ke <i>tertiary crusher</i> untuk diproses.
		<i>TERTIARY CRUSHER</i> - Proses pemecahan batu peringkat ke-3 untuk menghancurkan <i>aggregate</i> saiz melebihi 28mm dan seterusnya dihantar untuk diproses bagi menghasilkan produk <i>aggregate</i> bersaiz 28mm, 3/8 inci + dust dan 3/4 inci.
4. Loji Asfalt		Loji Asfalt tempat memasak dan mencampurkan <i>aggregate</i> dengan bitumen bagi menghasilkan produk <i>premix</i> .

Sumber: Aliran Proses Operasi Muka Kuari, *Primary Crusher, Secondary Crusher* dan Loji Asfalt

- b. Secara keseluruhannya PISB telah mematuhi dengan sewajarnya peraturan berkaitan operasi pengeluaran bahan batuan. Pematuhan terhadap empat peringkat operasi pengeluaran iaitu pembangunan, pengeluaran, Loji Penghancur dan Loji Asfalt adalah seperti dalam **Jadual 9**.

#### **JADUAL 9** **PENEMUAN AUDIT BERKAITAN PEMATUHAN PERATURAN** **OPERASI PENGETUARAN BAHAN BATUAN**

PERINGKAT	PROSES	PERATURAN	PENEMUAN AUDIT
Pembangunan	Pembukaan bahagian tambahan kuari di atas plot 1 dan 2, Hutan Simpan Bukit Bintang, Mukim Kurong Batang, Perlis	Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Seksyen 34A(2) - Sebelum menjalankan aktiviti pengkuarian perlu mendapatkan kelulusan dengan mengemukakan laporan yang mengandungi penilaian mengenai kesan kepada alam sekeliling dan mencadangkan langkah yang akan diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal kesan yang merugikan kepada alam sekeliling.	Juruperunding bertauliah telah dilantik untuk menjalankan kajian teknikal kuari dan menyediakan laporan EIA terhadap bahagian tambahan kuari di plot 1 dan plot 2, Hutan Simpan Bukit Bintang. Laporan EIA ini telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri pada 19 September 2014.
	Kerja menebang pokok balak, membersih kawasan, membina jalan bagi jentera dan membina teres dalam kawasan Hutan Simpan Bukit Bintang , Mukim Kurong Batang, Perlis	Akta Perhutanan Negara 1984, Seksyen 28 dan 30 (4) - Kuasa untuk membenarkan pengambilan hasil hutan dengan cara lesen kecil. - Lesen kecil hendaklah diperbarui.	PISB telah memperoleh tiga lesen kecil daripada Jabatan Perhutanan Negeri untuk memindahkan batu dari muka kuari sedia ada dan tambahan di plot 1 dan plot 2 dari Hutan Simpan Bukit Bintang. Lesen kecil tersebut tamat pada 31.12.2022

PERINGKAT	PROSES	PERATURAN	PENEMUAN AUDIT
Pengeluaran	Proses menebuk lubang (drilling) untuk mengisi bahan letupan; proses meletup (blasting) batu apabila lubang untuk pengisian bahan letupan telah mencukupi; proses pemunggahan (loading) batu blok selepas letupan dilakukan; dan mengangkat (transfer) batu blok dari muka kuari ke Loji Penghancur bagi menghasilkan produk <i>aggregate</i> .	Akta Pembangunan Mineral 1994, Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Peletupan) 2013, Perkara 3 (1) dan 3 (2) - Pemegang lesen yang berhasrat menggunakan bahan letupan hendaklah mengemukakan suatu pelan pengurusan peletupan kepada Penolong Pengarah untuk kelulusan. - Pelan pengurusan peletupan hendaklah disediakan oleh seorang perunding yang ialah seorang jurutera profesional perlombongan atau sumber mineral yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.	Kebenaran menjalankan kerja perletupan operasi kuari telah diperoleh untuk tempoh selama dua tahun mulai bulan Julai 2020 sehingga Jun 2022.
Loji Penghancur	Batu blok yang dihantar ke Loji Penghancur akan diproses melalui proses pemecahan batu peringkat pertama (primary jaw crusher) untuk menghancurkan bongkah batu kepada <i>aggregate</i> seterusnya mengelaskan <i>aggregate</i> bersaiz 50mm dan melebihi 50mm.	Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) - syarikat perkilangan dengan dana pemegang saham berjumlah RM2.5 juta dan ke atas untuk memohon lesen perkilangan bagi mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).	PISB sebagai syarikat perkilangan telah memperoleh Lesen Pengilang mulai dari 30 Januari 2020 bagi produk <i>aggregate</i> dan <i>premix</i> daripada MITI. PISB juga telah mendapat Pengiktirafan Loji Pengeluaran Asfalt selama dua tahun mulai bulan November 2021 sehingga Oktober 2023 kerana mematuhi <i>Standard Specification for Road Works, Section 4: Flexible Pavement</i> .
Loji Asfalt	Tempat untuk menghasilkan produk premix.		

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Pendapat Audit** | **Aktiviti operasi kuari adalah cekap kerana telah mendapat kebenaran dan kelulusan daripada semua pihak yang berkenaan. Malah telah mendapat pengiktirafan loji pengeluaran asfalt yang mengikut standard ditetapkan.**

### 5.2.2. Keselamatan Operasi Kuari

- Prosedur Operasi Standard (SOP) Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PISB dikeluarkan untuk dijadikan panduan kepada semua pekerja yang menjalankan aktiviti operasi kuari berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (BKKP), PISB bertanggungjawab memantau pematuhan kepada SOP Keselamatan. Selain itu, BKKP juga membuat siasatan terhadap kemalangan yang berlaku dan memastikan jentera dan peralatan yang digunakan serta pekerjaan yang dilakukan di tempat kerja tidak menyebabkan kecederaan anggota kepada pekerja.

b. Semakan Audit mendapati PISB telah mengeluarkan sebanyak 16 SOP berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Sebanyak 12 daripadanya merupakan SOP keselamatan semasa menjalankan operasi di muka kuari termasuk pakaian perlindungan keselamatan yang perlu dipakai oleh pekerja syarikat. Berdasarkan Borang Penerimaan Peralatan *Personnel Protective Equipment* (PPE), 26 kakitangan yang bertugas di muka kuari dan tujuh kakitangan di Loji Asfalt telah menerima pakaian perlindungan keselamatan yang disediakan oleh pihak syarikat. Senarai SOP keselamatan dan pakaian perlindungan keselamatan semasa operasi kuari seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**SENARAI SOP KESELAMATAN DAN PAKAIAN PERLINDUNGAN**  
**KESELAMATAN SEMASA OPERASI KUARI**

BIL.	PROSEDUR	TUJUAN/SKOP	PAKAIAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN
1.	Keselamatan Operasi Muka Kuari	Penggunaan <i>Jack Hammer</i> dan <i>Crawler</i> serta tanggungjawab operator mesin.	Kasut dan topi keselamatan, penghadang telinga, penutup hidung dan sarung tangan.
2.	Keselamatan Pemampat Udara	Penggunaan pemampat udara.	Pelindung mata dan telinga.
3.	Keselamatan Operasi Rumah Ammonia	Penggunaan dan penyimpanan bahan Ammonia Nitrate.	Sarung tangan, cermin mata dan kasut keselamatan, penutup hidung dan apron.
4.	Keselamatan Operasi <i>Crusher</i>	Langkah-langkah keselamatan sebelum menjalani tugas pengendalian mesin <i>crusher</i> .	Topi, kasut dan cermin mata keselamatan, penutup hidung, penghadang telinga dan sarung tangan.
5.	Keselamatan Operasi <i>Hydraulic Breaker</i>	Penggunaan <i>hydraulic breaker</i> dan tanggungjawab operator mesin ini.	Topi, kasut dan cermin mata keselamatan, penutup hidung, penghadang telinga dan sarung tangan.
6.	Keselamatan Operasi Jentera Berat	Langkah-langkah keselamatan semasa menjalankan tugas pengendalian jentera berat.	-
7.	Keselamatan Operasi Loji Asphalt	Langkah-langkah keselamatan dan pengendalian di Loji Asfalt.	-
8.	Keselamatan Operasi Stor Magazin	Langkah-langkah keselamatan mengikut standard yang ditetapkan.	-
9.	Keselamatan Operasi Mesin Grinder Tangan	Pengendalian dan penggunaan mesin grinder tangan.	Sarung tangan, cermin mata dan kasut keselamatan.
10.	Keselamatan Operasi Kimpalan	Penggunaan mesin kimpalan dan tanggungjawab operator yang mengendalikan peralatan ini.	Cermin mata, penutup telinga, penutup hidung dan sarung tangan.
11.	Keselamatan Pembedilan	Langkah-langkah keselamatan pembedilan dan prosedur mengikut standard yang ditetapkan.	Tiada pakaian perlindungan keselamatan
12.	Keselamatan Kerja-Kerja Pemunggahan	Keselamatan semasa menjalankan kerja-kerja di muka kuari.	Tiada pakaian perlindungan keselamatan

Sumber: SOP Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, PISB

- c. Lawatan Audit pada 30 Mac 2022 mendapati PISB telah memasang papan tanda amaran keselamatan di sekitar kawasan muka kuari untuk dipatuhi oleh kakitangannya seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

**GAMBAR 1**



Kawasan Muka Kuari, PISB  
- Papan Tanda Zon Perlindungan Pendengaran  
(30.03.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



Kawasan Muka Kuari, PISB  
- Papan Tanda Amaran Penggunaan Gear Rendah  
(30.03.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



Kawasan Muka Kuari, PISB  
- Papan Tanda Matikan Telefon Bimbit Semasa Mengecast  
Bahan Letupan  
(30.03.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



Loji Asfalt, PISB  
- Papan Tanda Mengutamakan Keselamatan dan Zon  
Perlindungan Pendengaran  
(30.03.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**Pendapat Audit** | **SOP Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PISB yang dikeluarkan adalah mencukupi dan dipatuhi bagi menjaga aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.**

### 5.2.3. Logistik dan Peralatan

- a. Berdasarkan Senarai Aset Tetap PISB tahun 2021, PISB memiliki loji penghancur dan Loji Asfalt serta jentera dan mesin seperti lori *dumper*, *crawler drill*, *excavator* dan *shovel* untuk melaksanakan operasi kuari. Logistik dan peralatan tersebut perlu diselenggara secara berkala untuk memastikan ianya berfungsi dengan lancar secara berterusan dan selamat digunakan serta memelihara dan memanjangkan jangka hayat. Antara logistik dan peralatan yang dimiliki oleh PISB seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**JANGKA HAYAT LOGISTIK DAN PERALATAN MILIK PISB**

LOGISTIK DAN PERALATAN	TAHUN PEMBELIAN	JANGKA HAYAT (TAHUN)	KEGUNAAN
Primary Jaw Crusher	2003	18	Menghancurkan bongkah batu dan mengelaskan aggregate bersaiz 50mm dan lebih.
Stationery Drum Mix Asphalt	2003	18	Tempat untuk memasak dan mencampurkan aggregate dengan bitumen bagi menghasilkan produk premix.
Lori Dumper D2	2004	17	
Lori Dumper D4	2008	13	
Lori Dumper D5	2009	12	
Lori Dumper D6 (Lori Air)	2009	12	Lori pengangkut batu blok dari muka kuari ke Primary Jaques Plant untuk diproses.
Lori Dumper D7	2011	10	
Lori Dumper D8	2014	7	
Crawler Drill 1	2004	17	
Crawler Drill 2	2005	16	
Crawler Drill 3	2021	-	Alat yang digunakan bersama <i>air compressor</i> untuk menghasilkan lubang bagi mengisi bahan letupan.
Excavator E1	1991	30	
Excavator E2	2008	13	
Excavator E3	2008	13	Jengkaut <i>excavator</i> digunakan untuk memunggah batu blok dan untuk <i>loading</i> batuan ke <i>dumper</i> untuk memindahkan ke <i>primary jaw crusher</i> .
Excavator E4	2009	12	
Excavator E5	2012	9	
Shovel S1	1992	29	
Shovel S3	2014	7	
Shovel S4	2017	4	
Shovel S5	2017	4	
Shovel S6	2021	-	
Weightbridge 150,000 kg.	2020	1	Menimbang muatan berkapasiti 150 tan metrik
Weightbridge 60,000 kg.	2012	9	Menimbang muatan berkapasiti 60 tan metrik
CWIS Qweight System	2010	11	Menjana laporan timbang jualan

Sumber: Senarai Aset Tetap PISB Tahun 2021

- b. Lawatan Audit pada 30 Mac 2022 mendapati peralatan *primary jaw crusher* dan *stationery drum mix asphalt* yang berusia melebihi 10 tahun berfungsi dengan baik seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**. Semakan Audit selanjutnya terhadap Jadual Harian Penyelenggaraan Jentera Berat mendapati kedua peralatan tersebut telah diperiksa terlebih dahulu pada setiap hari sebelum digunakan bagi memastikan ianya dapat berfungsi dengan baik dan selamat digunakan.

**GAMBAR 5**

Kawasan Muka Kuari, PISB  
 - Primary Jaw Crusher berfungsi dengan baik  
 (30.03.2022)  
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6**

Loji Asfalt PISB  
 - Stationery Drum Mix Asphalt berfungsi dengan baik  
 (30.03.2022)  
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

**Pendapat Audit** | Logistik dan peralatan yang disediakan oleh PISB adalah baik kerana masih berfungsi walaupun jangka hayat peralatan melebihi 10 tahun.

#### 5.2.4. Aktiviti Jualan Bahan Batuan

##### 5.2.4.1. Pendapatan dan Kos Jualan

- Objektif Bajet Tahunan PISB pada tahun 2019 hingga 2021 adalah untuk terus mengekalkan kedudukan syarikat sebagai pengeluar batu (aggregate) dan premix utama yang berkualiti di utara tanah air. Oleh itu, syarikat berusaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan batuan bagi meluaskan pasaran di dalam dan luar negeri. Selain itu, perniagaan yang dijalankan dapat menjana sumber pendapatan kepada Kerajaan negeri dan PKENPs dengan meningkatkan keuntungan syarikat dan mengurus perbelanjaan yang lebih teliti dan berhemat. Pendapatan dan kos jualan bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**PENDAPATAN DAN KOS JUALAN BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021**

BUTIRAN	2019	2020	2021
	(RM)	(RM)	(RM)
<b>Pendapatan Utama</b>			
- Jualan Premix	12,949,237	11,055,988	14,479,456
- Jualan Aggregate	2,843,990	2,757,491	4,318,706
- Lain-lain	282,264	420,228	264,774
<b>JUMLAH PENDAPATAN UTAMA (a)</b>	<b>16,075,491</b>	<b>14,233,707</b>	<b>19,062,936</b>
<b>JUMLAH PENDAPATAN LAIN</b>	<b>893,964</b>	<b>1,347,709</b>	<b>1,400,174</b>
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>16,969,455</b>	<b>15,581,416</b>	<b>20,463,110</b>


BUTIRAN	2019	2020	2021
	(RM)	(RM)	(RM)
<b>Kos Jualan</b>			
- Stok Awal	(1,201,247)	(829,846)	(623,694)
- Bahan Mentah	(9,219,125)	(6,746,215)	(10,566,493)
- Buruh Langsung	(1,102,310)	(1,216,810)	(1,371,671)
- Perbelanjaan Langsung	(735,796)	(678,236)	(834,733)
- Overhead Pengeluaran	(1,335,374)	(1,929,522)	(2,358,432)
- Stok Akhir	829,846	623,694	667,697
<b>JUMLAH KOS JUALAN</b>	<b>(12,764,006)</b>	<b>(10,776,935)</b>	<b>(15,087,326)</b>
Perbelanjaan Operasi dan Pentadbiran	(1,763,533)	(2,259,240)	(2,332,034)
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>(14,527,539)</b>	<b>(13,036,175)</b>	<b>(17,419,360)</b>
<b>KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI</b>	<b>2,441,916</b>	<b>2,545,241</b>	<b>3,043,750</b>
Cukai	(554,233)	(765,840)	(573,505)
<b>KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (b)</b>	<b>1,887,683</b>	<b>1,779,401</b>	<b>2,470,245</b>
Dividen	(30,000)	(1,000,000)	(550,000)
<b>KEUNTUNGAN TERKUMPUL</b>	<b>26,235,299</b>	<b>27,014,700</b>	<b>28,934,945</b>
<b>MARGIN UNTUNG BERSIH [ (b/a) x 100 ]</b>	<b>11.7</b>	<b>12.5</b>	<b>13.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PISB Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

- b. Pendapatan utama PISB terdiri daripada jualan produk *premix* dan *aggregate* serta lain-lain pendapatan utama iaitu jualan colpave, bitumen dan tanah. Berdasarkan kepada penyata kewangan beraudit tahun 2019 hingga 2021, pendapatan ini merupakan penyumbang utama kepada pendapatan syarikat iaitu antara 91.4% hingga 94.7% daripada jumlah keseluruhan pendapatan syarikat. Manakala pendapatan lain terdiri daripada Faedah Simpanan Tetap, Pendapatan Sewa dan Dividen Atas Pelaburan.
- c. Analisis Audit selanjutnya mendapati pendapatan utama dan kos jualan menurun pada tahun 2020 selaras dengan penurunan jualan produk *aggregate* dan *premix*. Bagaimanapun, pada tahun 2021, PISB mencatatkan peningkatan pendapatan utama dan kos jualan. Kos jualan meningkat RM4.31 juta (40%) pada tahun tersebut. Peningkatan kos jualan disebabkan pertambahan kos bahan mentah bagi bitumen, diesel, colpave dan bahan letupan iaitu sejumlah RM3.82 juta (56.6%). Kos overhead pengeluaran juga didapati meningkat RM428,910 (22.2%). Peningkatan kos overhead pengeluaran pada tahun 2021 disebabkan peningkatan kos penyenggaraan mesin dan peralatan yang digunakan dalam pengeluaran *aggregate* dan *premix* berjumlah RM315,228. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12** dan **Carta 3**.

- d. Setelah mengambil kira Pendapatan Lain; Perbelanjaan Operasi dan Pentadbiran; serta Cukai, PISB mencatatkan keuntungan selepas cukai RM1.89 juta (2019), RM1.78 juta (2020) dan RM2.47 juta pada tahun 2021. Keuntungan ini menjadikan margin untung bersih syarikat bagi tempoh tersebut iaitu masing-masing pada kadar positif 11.7%, 12.5% dan 13%. Analisis Audit juga mendapati PISB berkeupayaan untuk meningkatkan lagi margin untung bersihnya dengan menceburi bidang kontrak penurapan jalan dalam pasaran luar negeri Perlis kerana PISB telah mempunyai pengalaman dari segi pengeluaran produk yang berkualiti dan menepati piawaian yang diguna pakai dalam industri penurapan jalan. Selain itu, PISB mempunyai tiga tenaga mahir yang telah mengikuti Kursus Kualiti Dalam Kerja Bagi Penurapan Jalan anjuran Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Dua daripadanya telah berjaya dengan cemerlang semasa mengikuti kursus tersebut.
- e. PISB merekodkan keuntungan sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut iaitu RM2.44 juta (2019), RM2.54 juta (2020) dan RM3.04 juta (2021). Keuntungan sebelum cukai menunjukkan peningkatan RM103,325 (4.2%) pada tahun 2020 dan RM498,509 (19.6%) pada tahun 2021. Bagaimanapun, **keuntungan selepas cukai mengalami penurunan RM108,282 (5.7%) pada tahun 2020**. Keadaan ini disebabkan pembayaran cukai RM0.77 juta pada tahun 2020 berbanding RM0.55 juta pada tahun 2019. Keuntungan selepas cukai meningkat sebanyak RM0.69 juta kepada RM2.47 juta pada tahun 2021 berbanding RM1.78 juta pada tahun 2020. Keuntungan ini menjadikan keuntungan terkumpul pada tahun 2020 berjumlah RM27.01 juta iaitu peningkatan sebanyak RM0.78 juta (3%) berbanding tahun 2019. Keuntungan terkumpul pada tahun 2021 berjumlah RM28.93 juta iaitu peningkatan sebanyak RM1.92 juta (7.1%) berbanding tahun 2020. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12 dan Carta 4**.

**CARTA 3**  
**TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021**



**CARTA 4**  
**TREND KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PISB Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

- f. Kedudukan kewangan yang baik membolehkan PISB mengisytiharkan dividen antara RM30,000 hingga RM1 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Keadaan ini disumbangkan oleh aktiviti pengeluaran melalui penjualan *aggregate* dan *premix* yang merupakan aktiviti utama PISB.

#### Maklum balas PISB yang diterima pada 7 Jun 2022

Penurunan pendapatan utama dan kos jualan pada tahun 2020 dipengaruhi oleh pengumuman PKP dan arahan penutupan operasi kuari oleh kerajaan. Walaupun selepas pengoperasian semula dibenarkan, pihak syarikat masih terikat dengan SOP yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan seperti larangan letupan dan mengehadkan kehadiran pekerja ke premis. Ini menyebabkan syarikat tidak dapat beroperasi secara optimum sekali gus mempengaruhi keuntungan syarikat. Peningkatan pendapatan utama dan kos jualan pada tahun 2021 disebabkan berlaku peningkatan jualan seterusnya meningkatkan kos jualan memandangkan syarikat perlu menghasilkan lebih banyak produk pada tahun tersebut. Selain itu, peningkatan harga bahan mentah turut mempengaruhi peningkatan kos jualan tahun 2021 di mana bitumen merupakan bahan utama dalam penghasilan *premix*. Harga bitumen pada bulan Januari hingga Disember 2020 adalah di antara RM1,520/MT hingga RM2,075/MT berbanding harga bitumen pada bulan Januari hingga Disember 2021 iaitu di antara RM1,510/MT hingga RM2,300/MT.

**Pendapat Audit** | Keberuntungan syarikat adalah sangat baik kerana PISB mampu menjana keuntungan sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut.

#### 5.2.4.2. Pengurusan Tuggakan Jualan Bahan Batuan

- Berdasarkan Prosedur Kawalan Kredit, tempoh kutipan adalah berbeza bergantung kepada jenis pelanggan. Pelanggan yang terdiri daripada badan atau agensi Kerajaan hendaklah membuat bayaran dalam tempoh tiga bulan. Manakala pelanggan korporat pula, tempoh kutipan adalah sehingga 30 hari dari tarikh invois. Penghutang yang melebihi tempoh kredit yang ditetapkan diambil tindakan seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**TINDAKAN TERHADAP PENGHUTANG KORPORAT YANG MELEBIHI TEMPOH REDIT**

TEMPOH KUTIPAN	TINDAKAN YANG DIAMBIL
Melebihi 30 hari	Notis peringatan pertama dikeluarkan
Melebihi 60 hari	Notis peringatan kedua dikeluarkan
Melebihi 90 hari	Maklumkan kepada Pengurus Kewangan supaya tindakan undang-undang dimulakan

Sumber: Prosedur Operasi Kewangan berkaitan Prosedur Kawalan Kredit

- Semakan Audit terhadap ***Debtor Aging Detail – 12 Months as at 31 December 2021 mendapati tuggakan yang melebihi 90 hari berjumlah RM2.66 juta (33.6%)***. Kategori penghutang paling tinggi ialah penghutang syarikat bagi jualan *premix* iaitu berjumlah RM2.56 juta. Keadaan ini disebabkan produk *premix* merupakan pendapatan utama syarikat dan mempunyai jualan produk terbanyak oleh PISB. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**PENGUMURAN PENGHUTANG SYARIKAT PADA 31 DISEMBER 2021**

KATEGORI PENGHUTANG	TUNGGAKAN (RM)				
	<30 HARI	30 HARI	60 HARI	90 HARI	>90 HARI
<b>PENGHUTANG SYARIKAT</b>					
Jualan <i>Premix</i>	2,261,128	1,926,787	328,974	266,391	2,559,419
Jualan <i>Aggregate</i>	237,877	189,774	118,532	41,251	105,206
Jualan <i>Concrete &amp; U-Drain</i>	-	-	-	-	270
<b>JUMLAH PENGHUTANG SYARIKAT</b>	<b>2,499,005</b>	<b>2,116,561</b>	<b>447,506</b>	<b>307,642</b>	<b>2,664,895</b>

Sumber: *Debtor Aging Detail – 12 Months as at 31 December 2021*

- c. Berdasarkan penyata kewangan PISB berakhir **31 Disember 2021**, penghutang syarikat berjumlah RM7.91 juta iaitu meningkat sebanyak RM3.17 juta (66.9%) berbanding tahun 2020 berjumlah RM4.74 juta. Peningkatan penghutang pada tahun 2021 disebabkan pertambahan jualan bahan batuan secara kredit pada tahun tersebut. Manakala pada tahun 2020, penghutang syarikat menunjukkan penurunan sebanyak RM2.47 juta (34.3%) kepada RM4.74 juta berbanding tahun 2019 berjumlah RM7.21 juta. Penurunan penghutang ini disebabkan pengurangan jualan bahan batuan pada tahun 2020 kerana penularan pandemik Covid-19. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**JUMLAH PENGHUTANG BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

BUTIRAN	JUMLAH PENGHUTANG (RM Juta)		
	2019	2020	2021
Penghutang Syarikat	7.21	4.74	7.91
Peningkatan/(Penurunan)	-	(2.47)	3.17
Peratus Peningkatan/(Penurunan) (%)	-	(34.3)	66.9

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PISB Tahun 2019, 2020 dan 2021

- d. Semakan Audit terhadap 17 fail (13.5%) daripada 126 penghutang yang berbaki debit mendapati **PISB telah mengambil tindakan untuk mengutip balik tunggakan terhadap penghutang yang melebihi tempoh kredit yang ditetapkan**. Tindakan tersebut telah diambil pada tahun 2019 hingga 2021 seperti kehendak prosedur kewangan yang ditetapkan. PISB telah mengambil tindakan mengemukakan notis peringatan terakhir (kedua) kepada dua penghutang syarikat melibatkan tunggakan berjumlah RM103,637 pada tahun 2020. PISB juga telah mengemukakan sebanyak 12 surat saman yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah kepada penghutang pada tahun 2020 dan 2021, melibatkan tunggakan berjumlah RM0.74 juta. Selain itu, tiga penghutang yang telah diisyihar muflis oleh pihak mahkamah melibatkan tunggakan berjumlah RM342,170 telah dikemukakan untuk tindakan Jabatan Insolvensi Malaysia pada tahun 2019, 2020 dan 2021. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**TINDAKAN YANG DIAMBIL TERHADAP PENGHUTANG BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

TINDAKAN YANG DIAMBIL	JUMLAH TUNGGAKAN DAN BILANGAN PENGHUTANG							
	2019		2020		2021		JUMLAH	
	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)
Notis Peringatan Terakhir (Kedua)	-	-	2	103,637	-	-	2	103,637
Saman (Surat Tuntutan, Komital, Penghakiman Persetujuan dan Garnish)	-	-	3	256,634	9	482,579	12	739,213
Jabatan Insolvensi Malaysia	1	80,000	1	244,707	1	17,463	3	342,170
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>80,000</b>	<b>6</b>	<b>604,978</b>	<b>10</b>	<b>500,042</b>	<b>17</b>	<b>1,185,020</b>

Sumber: Fail Penghutang PISB

- e. Analisis Audit terhadap **pengumuran penghutang mendapati tempoh kutipan hutang mencapai purata 122 hingga 155 hari bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021**. Tempoh kutipan yang lama ini menunjukkan kelemahan pengurusan kredit PISB dalam kutipan bayaran balik hutang syarikat. Keadaan ini berlaku disebabkan PISB tidak mengambil tindakan untuk mengutip tunggakan mengikut tempoh kutipan seperti yang ditetapkan dalam prosedur kawalan kredit, perenggan 9.2.5.

**Maklum balas PISB yang diterima pada 7 Jun 2022**

Jumlah penghutang pada tahun 2021 telah meningkat ekoran peningkatan jualan memandangkan 88.5% pelanggan PISB membeli secara kredit. Secara amnya, PISB menerima bayaran jualan secara kredit pada tahun kewangan berikutnya yang mengakibatkan berlaku tunggakan pada tahun semasa. Antara usaha yang dilakukan untuk mengutip semula hasil jualan adalah sentiasa berhubung dengan penghutang dan penyata baki hutang sentiasa dihantar sebagai peringatan. Selain itu, PISB juga telah mengambil tindakan mengutip hutang dengan cara mengemukakan surat tuntutan sekiranya bayaran masih tidak diterima tanpa apa-apa alasan yang munasabah dan seterusnya mengambil tindakan undang-undang.

**Pendapat Audit** | Pengurusan tunggakan PISB adalah kurang cekap kerana sebanyak RM2.66 juta (33.6%) tunggakan hutang melebihi 90 hari masih belum dapat dikutip. Tunggakan hutang yang tinggi boleh memberi kesan kepada aliran tunai dan kedudukan kewangan syarikat.

### 5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan baik, telus dan bertanggungjawab.

5.3.2. Secara keseluruhannya, PISB telah mengamalkan sepenuhnya empat daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu KPE, Setiausaha Syarikat, SOP dan Audit Dalam. Sebanyak empat aspek amalan terbaik tadbir urus korporat lain yang tidak diamalkan sepenuhnya iaitu aspek Pengerusi, Lembaga Pengarah, Rancangan Korporat dan KPI serta JKA adalah seperti dalam **Jadual 17**. Manakala penemuan pengurusan aktiviti berkaitan KPI telah diterangkan dalam perenggan 5.1.1.1. – Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

**JADUAL 17**  
**PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT**

ELEMEN	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Pengerusi	Akta Syarikat 2016, Seksyen 212 – Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah dilantik di kalangan ahli Lembaga Pengarah dan tempoh pelantikan jawatan ditetapkan.	Tempoh pelantikan Pengerusi tidak ditetapkan kerana Pengerusi Lembaga Pengarah PISB merupakan YAB Menteri Besar Perlis. Secara amalan, lantikan Pengerusi dibuat atas jawatan Menteri Besar dan tempoh jawatan Pengerusi adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan beliau sebagai Menteri Besar. Beliau telah dilantik berkuat kuasa mulai 1 Julai 2014.
Lembaga Pengarah	Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2021 Amalan 5.2 – Sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah hendaklah Pengarah berstatus bebas.	Komposisi keahlian Lembaga Pengarah PISB kesemuanya Pengarah berstatus bukan bebas. Ini kerana Lembaga Pengarah yang dilantik adalah mewakili sektor kerajaan iaitu YAB Menteri Besar Perlis, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri. Dua lagi adalah Pengurus Besar PKENPs dan Pengarah Eksekutif PISB.
Rancangan Korporat	MCCG 2021 Amalan 1.1, Panduan 1.1 – Lembaga Pengarah disarankan menetapkan sasaran strategik syarikat dan memastikan sumber syarikat yang diperlukan sedia ada untuk syarikat mencapai objektifnya.	Rancangan Korporat tahun 2021 belum dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PISB. Rancangan Korporat tahun 2019 dan 2020 tidak disediakan.
Jawatankuasa Audit	MCCG 2021 Amalan 9.4 – JKA hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas sahaja.	Hanya seorang daripada tiga ahli JKA berstatus Pengarah Bebas. Dua ahli JKA lain terdiri daripada Pengarah Bukan Bebas iaitu YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan YB Pegawai Kewangan Negeri.

Sumber: Jabatan Audit Negara

## **Maklum balas PISB yang diterima pada 7 Jun 2022**

Bagi aspek tempoh pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah PISB, lantikan YAB Menteri Besar Perlis sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah PISB adalah berdasarkan surat daripada Pejabat Menteri Besar Perlis melalui rujukan surat bertarikh 31 Mei 2021 mengenai Cadangan Penstrukturkan Semula Komposisi Ahli Lembaga Pengarah Anak-Anak Syarikat Kumpulan PKENPs.

Aspek komposisi Lembaga Pengarah pula PISB merujuk kepada Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PKENPs Bil. 1/2014 bertarikh 19 Mei 2014 yang telah bersetuju dan meluluskan cadangan penyusunan semula komposisi Ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat subsidiari PKENPs dan lantikan dibuat berdasarkan peruntukan Akta Syarikat 1965.

Bajet yang dibentangkan setiap tahun di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ada menyentuh berkenaan Rancangan Korporat syarikat secara tidak langsung dan telah diluluskan. Bagaimanapun, PISB mengambil maklum teguran Audit dan akan mengkhususkan Rancangan Korporat daripada bajet tahunan untuk diangkat bagi kelulusan Ahli Lembaga Pengarah pada masa akan datang. Rancangan Korporat tahun 2021 dijangka akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PISB yang akan diadakan pada bulan Julai 2022.

Pelantikan ahli Jawatankuasa Audit adalah merujuk kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah PKENPs Bil.1/2008 bertarikh 21 Mei 2008 mengenai Jawatankuasa Audit yang akan bertanggungjawab terhadap audit dalam PKENPs dan juga syarikat subsidiari kumpulan.

**Pendapat Audit** | Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat PISB adalah baik. Namun begitu terdapat empat aspek yang perlu ditambah baik.

### **5.4. Kedudukan Kewangan**

**5.4.1. Penyata kewangan PISB bagi tahun kewangan 2019 hingga 2021 telah diberikan laporan tanpa teguran** oleh Tetuan Jamal, Amin & Partners. Hasil analisis terhadap kedudukan kewangan PISB bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; aset dan liabiliti; serta tunai dan kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 18**. Analisis kedudukan kewangan terhadap pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi telah diterangkan dalam perenggan 5.2.4.1. – Pendapatan dan Kos Jualan.

**JADUAL 18**  
**KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI PISB BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA	9.80	15.61	18.34
JUMLAH ASET SEMASA	22.90	18.40	19.49
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>32.70</b>	<b>34.01</b>	<b>37.83</b>
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA	1.09	2.28	1.84
JUMLAH LIABILITI SEMASA	2.39	1.72	4.07
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>3.48</b>	<b>4.00</b>	<b>5.91</b>
<b>JUMLAH EKUITI</b>	<b>29.22</b>	<b>30.01</b>	<b>31.92</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI</b>	<b>32.70</b>	<b>34.01</b>	<b>37.83</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>3.34</b>	<b>3.09</b>	<b>3.42</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PISB Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

5.4.2. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti mendapati **jumlah aset melebihi jumlah liabiliti bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 masing-masing berjumlah RM29.22 juta (89.4%), RM30.01 juta (88.2%) dan RM31.92 juta (84.4%)**. Keadaan ini menunjukkan syarikat berupaya untuk beroperasi secara berterusan dengan mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi liabilitinya pada masa diperlukan. Bagaimanapun, jumlah liabiliti menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh tersebut dengan kumulatif peningkatan sejumlah RM2.43 juta (69.8%). Faktor utama peningkatan adalah disebabkan oleh liabiliti semasa iaitu pemutang perdagangan yang meningkat selari dengan peningkatan jumlah liabiliti secara keseluruhan. Perubahan ketara jumlah liabiliti bagi tiga tahun ini adalah disebabkan peningkatan pembelian bahan mentah seperti bitumen dan diesel. Analisis Audit selanjutnya mendapati Pemutang Perdagangan mencatatkan kenaikan sejumlah RM2.16 juta (166.1%) kepada RM3.46 juta pada tahun 2021 berbanding RM1.30 juta pada tahun sebelumnya.

5.4.3. Analisis audit terhadap nisbah kecekapan untuk indikator purata tempoh kutipan bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 mendapati pengurusan kredit PISB adalah kurang cekap kerana **purata bilangan hari yang diambil syarikat untuk mengutip hutang adalah antara 122 hingga 155 hari melebihi terma kredit yang ditetapkan** iaitu 30 ke 60 hari.

5.4.4. Analisis **aliran tunai PISB bagi tahun kewangan 2019 hingga 2021 menunjukkan kedudukan keseluruhan aliran tunai adalah positif**. Pada tahun 2020 aliran tunai menunjukkan penurunan sebanyak RM0.25 juta (7.5%) berbanding tahun 2019. Faktor utama penurunan tunai pada tahun 2020 adalah disebabkan PISB membeli saham dan aset hartanah loji dan peralatan. Pada

tahun 2021, aliran tunai mencatatkan peningkatan sebanyak RM0.33 juta (10.7%) kepada RM3.42 juta berbanding RM3.09 juta pada tahun 2020. Peningkatan adalah disebabkan peningkatan ketara dalam keuntungan sebelum cukai sejumlah RM498,509 (19.6%) berbanding tahun 2020.

### **Maklum balas PISB yang diterima pada 7 Jun 2022**

Peningkatan liabiliti pula adalah disebabkan belian bahan mentah yang banyak pada hujung tahun 2021 berbanding 2020 ekoran masih ada projek yang sedang berjalan. Namun, kebanyakkan pembiutang tertunggak tersebut berjaya dilunaskan dalam suku pertama tahun berikutnya. Syarikat juga dalam proses untuk mempraktikkan alternatif lain bagi mengurangkan risiko pendedahan hutang melalui kaedah arahan bayaran terus pengeluar projek kepada pembekal dan jaminan bank.

Aliran tunai mencatatkan penurunan pada 2020 memandangkan pada suku ke empat tahun tersebut, syarikat telah mencairkan simpanan tetap berjumlah RM4.64 juta dan membuat pelaburan sebanyak RM3 juta. Baki pelaburan dikeluarkan daripada tunai operasi bagi memenuhi sasaran pelaburan.

**Pendapat Audit** Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan PISB adalah kukuh. Jumlah aset syarikat melebihi jumlah liabiliti menunjukkan keupayaan syarikat menampung obligasinya. Jumlah tunai dan kesetaraan tunai kekal positif bagi tempoh 2019 hingga 2021 walaupun menunjukkan trend penurunan pada tahun 2020 dan peningkatan pada tahun 2021.

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara umumnya, PISB telah mencapai objektif penubuhannya melalui aktiviti pembekalan bahan batuan. Pencapaian output syarikat telah mencapai melebihi sasaran yang ditetapkan untuk tiga indikator pada tahun 2021 iaitu untung kasar, untung sebelum cukai dan untung selepas cukai masing-masing 120%, 129.1% dan 140.7%; pengeluaran *aggregate* telah mencapai 94.7%; prestasi jualan bahan batuan telah mencapai 120.9% bagi *premix* dan 104.6% bagi *aggregate*; dan prestasi pendapatan bahan batuan telah mencapai 124.3% bagi *premix* dan 111.7% bagi *aggregate*. Pencapaian keberhasilan syarikat melalui aktiviti pembekalan bahan batuan telah menyumbang RM48.41 juta kepada keseluruhan pendapatan syarikat bagi tahun 2019

hingga 2021. PISB juga telah menyumbangkan RM2.05 juta kepada hasil Kerajaan negeri melalui bayaran royalti dan dapat membuat pembayaran dividen kepada PKENPs berjumlah RM1.58 juta bagi tahun 2019 hingga 2021. Pengurusan aktiviti telah dijalankan dengan cekap. Perkara ini disumbangkan oleh tadbir urus korporat PISB yang baik dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh dengan keuntungan terkumpul RM28.93 juta pada akhir tahun 2021.

## 7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan PISB di samping menyeimbangkan pencapaian kewangan, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah PISB perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan PISB mempertimbangkan syor seperti berikut:

- 7.1. meningkatkan margin untung bersih syarikat dengan memperluaskan pasaran pembekalan *aggregate* dan *premix* ke luar negeri;
- 7.2. mengkaji semula polisi pemberian kredit kepada pelanggan bagi mengawal aliran masuk tunai syarikat; dan
- 7.3. menambah baik amalan tadbir urus korporat dengan memastikan separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah merupakan Pengarah berstatus bebas; dan membentangkan Rancangan Korporat tahun 2021 dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

